

17/11/1998

Agenda Malaysia wajar diberi tumpuan

Radzi Wahab

SEPERTI beberapa sidang sebelumnya, sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ke-10 juga tidak sunyi daripada 'cengkaman kontroversi' yang dihadapi Malaysia sebagai tuan rumah.

Isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 20 September lalu menimbulkan pelbagai reaksi, bukan sahaja daripada rakyat, malah pemimpin negara asing.

Pemimpin beberapa negara terutama Presiden Joseph Estrada (Filipina), Presiden B J Habibie (Indonesia) dan Perdana Menteri Australia, John Howard mengeluarkan kenyataan tidak adil dan saksama yang diperbesarkan media Barat yang menggembar-gemburkan lagi isu itu.

Lebih memburukkan keadaan timbalan Perdana Menteri Australia, Tim Fisher mendakwa keadaan tidak stabil di Kuala Lumpur boleh menjejaskan jadual sidang kemuncak Apec dan ia perlu dipindahkan ke Australia.

Dr Mahathir dalam kenyataan balasnya bagaimanapun, berkata, Australia boleh menarik diri daripada sidang kemuncak itu jika ingin berbuat demikian.

Menoleh ke belakang, Australia memang sentiasa kurang senang dengan Malaysia dalam pelbagai perkara baik dari politik hingga penganjuran Sukan Komanwel XVI yang digesa supaya dipindahkan ke Sydney kononnya berikutan ancaman jerebu.

Bekas Perdana Menterinya, Paul Keating pernah menggelar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 'keras kepala' semata-mata kerana beliau enggan menghadiri sidang kemuncak Apec di Seattle, Amerika Syarikat, pada 1993.

Perdana Menteri, sebelum itu enggan memenuhi jemputan Clinton untuk hadir kerana sidang kemuncak itu hanya menjadikan Apec secara rasmi sebagai blok perdagangan serantau yang Malaysia cuba elakkan.

Malaysia yang khuatir aspirasi negara di rantau ini akan tenggelam di tengah kemaraan kuasa besar untuk menentukan haluan orde baru dunia selepas Perang Dingin mencadangkan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), sebagai timbal balas kepada Apec.

Tindakan Keating menimbulkan kemarahan bukan sahaja rakyat negara ini, malah penduduk Australia yang menganggap pemimpin Australia itu celupar dan perlu meminta maaf kepada Dr Mahathir. Sebelum itu beliau pernah mengguris hati rakyat Britain kerana mahu menyingkir Ratu Elizabeth II daripada menjadi Ketua Negara Australia.

Malaysia sebagai negara merdeka dan berdaulat, bagaimanapun, tidak melenting dengan tindakan Australia dengan kabinet akhirnya memutuskan untuk tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Australia berikutan kritikan Keating itu di samping menganggap perkara itu selesai.

Tetapi, akhirnya, seperti Howard, mereka yang sebelum ini begitu lantang membicarakan soal kegawatan politik negara, mengubah nada pendirian dengan mengakui kemelut yang berlaku di Malaysia adalah kegawatan politik dalaman yang tidak harus dicampuri ketika berlangsungnya Apec.

Ketika melayani pertanyaan wartawan Jepun di Tokyo, baru-baru ini, Dr Mahathir pernah berkata, adalah suatu tragedi jika sidang yang dihadiri beberapa pemimpin utama dunia itu bertukar menjadi forum politik.

"Sekiranya berlaku demikian, banyak masalah akan timbul," katanya.

Bagaimanapun, sejarah menunjukkan masalah politik dalaman berlaku di semua negara Apec. Jepun, Amerika Syarikat, China selaku negara kuasa besar yang menganggotai kerjasama itu juga tidak pernah dilanda masalah ini.

Begitu juga negara membangun lain dalam Apec. Malah pergolakan kuasa, percaturan politik dan masalah kepemimpinan di negara anggota dapat disaksikan sebelum Apec ditubuhkan.

Menjelang Apec 1994 di Bogor, Jakarta, isu Timor-Timur meruncing sehingga berlaku pertumpahan darah. Ramai menyangka isu itu menjejaskan kelancaran sidang kemuncak apabila pelajar Timor-Timur yang mengecam Presiden Suharto, berkumpul di pekarangan Kedutaan Amerika, di Jakarta.

Mereka menggesa Presiden Clinton yang hadir di mesyuarat itu, mendesak Jakarta memberi autonomi lebih luas kepada Timor-Timur. Clinton juga diminta membantu membebaskan pemimpin mereka yang ditahan, Xanana Gusmao. Selain itu, rusuhan besar di Deli turut memaksa pihak berkuasa menutup ibu kota wilayah itu.

Begitu juga menjelang Apec di Manila, pada 1996. Beribu-ribu kereta dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta kesatuan sekerja berarak ke Teluk Subic. Mereka mahu pemimpin Apec campur tangan menentukan pucuk pimpinan Filipina yang didakwa gagal menangani masalah rakyat.

Beribu pekerja, kemudahan awam dan perkhidmatan, termasuk Philippines Airlines (PAL) yang menghadapi pertikaian gaji, mengancam mogok menjelang mesyuarat. Kumpulan haluan kiri pula mendesak Fidel Ramos melepaskan jawatan dengan bertindak ganas mengancam membunuh Presiden itu. Dua butir bom ditemui polis dipasang di lapangan terbang Manila dan satu berdekatan tempat sidang kemuncak itu.

Dalam sidang kemuncak Vancouver tahun lalu, Kanada juga menghadapi masalah dalaman hingga mencetuskan rusuhan. Pelbagai anggota keagamaan, pekerja, orang asli, wanita dan kumpulan alam sekitar menunjuk perasaan menentang isu yang bermula dari perdagangan bebas dan buruh kanak-kanak sehingga penderitaan manusia dan politik.

Selain itu, tunjuk perasaan terhadap aktiviti anti hak asasi kemanusiaan juga diadakan dengan kaitan terhadap Dataran Tiananmen di China dan Timor-Timur, Indonesia.

Secara tidak langsung ini, senerio itu membangkitkan perasaan bahawa ia bagaikan sudah menjadi aliran semasa yang mana demonstrasi yang dijalankan pihak tertentu dengan matlamat masing-masing pasti wujud ketika berlangsungnya persidangan antarabangsa seperti Apec.

Walau apapun kontroversi yang wujud, yang pasti, Apec seperti ketika ia mula-mula ditubuhkan, tanpa ragu-ragu lagi akan tetap menubuhkan pemuafakatan di kalangan negara anggota. Ini terbukti apabila masing-masing tidak pernah mengambil kesempatan untuk membincangkan sebarang kontroversi atau isu masalah dalaman negara anggota, seperti yang berlaku pada masa lalu.

Berdasarkan pengalaman dan semangat kerjasama yang diterapkan oleh Apec, sidang kemuncak Kuala Lumpur dijangka tidak mengubah pendirian itu. Mereka akan tetap bersama untuk membincangkan pelbagai permasalahan ekonomi, terutama berhubung kewangan dan pasaran modal yang kini menjadi penyebab utama kegawatan ekonomi dunia yang masih belum dapat diselesaikan.

Apatah lagi, sebagai bukan sebuah institusi bersifat mengikat, Apec sudah membuktikan mereka berupaya menyelesaikan masalah berhubung tarif, cukai, eksport, import atau halangan perdagangan serta meningkatkan lagi kerjasama.

Seperti ditegaskan Dr Mahathir, Apec adalah mengenai ekonomi dan bukannya politik. Jadi, agenda Malaysia yang inginkan sistem kewangan dunia perlu dikawal selia bagi mengekang kegiatan spekulasi dan manipulasi mata wang yang kini terbukti menjejaskan ekonomi dunia, perlu diberi perhatian segera.

(END)